

Tengkujuh bertandang

'Kali ini teruk'

100 kediaman di Johor Bahru dinaiki air hampir satu meter

>>Oleh Mahaizura Abd Malik
metrojb@yahoo.com

JOHOR BAHRU: Lebih 100 kediaman di tiga lokasi di daerah ini dinaiki air hampir satu meter selepas hujan lebat sejak jam 2 petang, semalam.

Kawasan paling teruk terjejas ialah Kempas Denai Utama, Kempas Permatang dan Kangkar Tebrau.

Kempas Permatang pula membabitkan Permatang Utama, Permatang Tiga, Permatang Enam, Permatang Tujuh, Permatang 10 dan Permatang 11.

Penduduk Kampung Permatang Utama, Siti Nashariah Mohd Nasushardin, 40, berkata, hampir keseluruhan kawasan itu ditenggelami air.

"Setiap tahun kediaman kami dinaiki air, namun kali ini ia lebih teruk menyebab-



FOTO | Zulkarnain Ahmad Tajuddin

TENGCELAM...penduduk cuba mengeluarkan van yang tersangkut dalam banjir kilat di Jalan Permatang Utama, semalam.

kan barangan seperti peralatan elektrik gagal diselamatkan kerana air naik dalam tempoh 15 minit.

"Kami kecewa dengan perkara ini kerana sebelum ini,

kami sudah penat membuat aduan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan sistem perparitan bermasalah, namun ia seolah-olah tidak diendahkan.

"Kami merayu kepada pihak berkaitan untuk membantu menyelesaikan masalah ini," katanya.

Bagi warga emas berasal dari Kempas Permatang, Daud

12 pusat pemindahan ditutup

JOHOR BAHRU: Sebanyak 12 pusat pemindahan sementara di negeri ini yang dibuka minggu lalu bagi menempatkan mangsa banjir ditutup semalam berikutan air mulai surut.

Setakat jam 7 malam tadi, hanya tujuh pusat pemindahan masih dibuka di Batu Pahat dan Ledang bagi menempatkan 767 mangsa daripada 203 keluarga.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Negeri Johor berkata, 736 mangsa membabitkan 197 keluarga ditempatkan di enam pusat pemindahan sementara di Batu Pahat.

"Di Parit Raja, 103 mangsa daripada 37 keluarga masih ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Agama Sri Aman manakala di Parit Sulong, 67 mangsa membabitkan 19 keluarga berada di Balairaya Kampung

Parit Betong.

"Seramai 49 mangsa daripada 16 keluarga ditempatkan di SK Kampung Jawa serta 245 mangsa daripada 64 keluarga pula di SK Sri Comel.

"Manakala di SK Agama Sri Binjai, Sri Gading, ia masih menempatkan 118 mangsa daripada 27 keluarga serta 154 mangsa daripada 34 keluarga di Balairaya Parit Yusof, Parit Jalil," katanya.

Menurut jurucakap, di Ledang, sebuah pusat pemindahan sementara di SK Sialang, Tangkak masih menempatkan 31 mangsa daripada enam keluarga.

Berikutan itu, katanya, orang ramai diminta berhati-hati dan sentiasa mematuhi arahan dikeluarkan bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini.

Kabeb, 74, dia pasrah melihat vannya ditenggelami banjir kilat kerana tidak sempat mengalihkan kenderaan berkeanaan.

"Saya hanya sempat melihat kereta jenis Perodua

Kenari saja. Selain itu, banyak barangan gagal diselamatkan memandangkan hanya saya dan isteri ada di sini kerana lima anak berada di tempat lain ketika kejadian," katanya.